

# Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu

Abd. Jalil bin Borham

## *Abstract*

*The development of Islam in the Malay Archipelago is a proof that ulama had played an effective role as an agent of change not only in the matters of faith but also in education. They had significantly contributed to the establishment of Malay political dominant in Southeast Asia and were able to maintain the growth of Islam in spite of the outside intervention, ideological or physical.*

## **Pendahuluan**

Dalam sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu, golongan ulama memang telah diakui memberikan khidmat bakti yang tidak ternilai. Pihak ulama telah bertindak sebagai agen perubahan utama yang memperkenalkan akidah baru di Alam Melayu. Islam diperkenalkan di kawasan ini sejak abad ketujuh lagi dan mulai meningkat dalam abad kesembilan selepas para pedagang dan pengembara Islam dari Tanah Arab dapat menguasai jalam perdagangan di antara Laut Merah dengan India dan China. Di saat ini didapati golongan saudagar dan pengembara yang lebih banyak memainkan peranan menyebarkan Islam. Peranan ulama belum lagi begitu tertonjol pada masa itu. Hanya selepas kejatuhan kota Baghdad ke tangan tentera Mongol dalam tahun 1258, barulah peranan golongan ulama semakin ketara. Di saat itu ramai golongan ulama dan cendiakawan Islam telah lari mencari perlindungan di negara-negara sekitarnya hingga

ke India dan ke kawasan-kawasan lain di Asia Tenggara dan Asia Timur termasuk Champa dan China.<sup>1</sup>

Memandangkan kefahaman agama mereka lebih terperinci dan mendalam, maka wajar sekalilah golongan ulama lebih bersungguh-sungguh dan tekun dibandingkan dengan golongan pedagang dan pengembara, dalam soal menjalankan kerja-kerja dakwah di Alam Melayu. Kedatangan mereka dengan kepakaran masing-masing yang berbeza-beza di bidang pengajian Islam telah menyemarakkan lagi penyusupan Islam di kalangan penduduk tempatan Melayu. Ada yang pakar di bidang fiqh, ada di bidang teologi (usuluddin) dan ada di bidang falsafah. Tetapi yang sering disebut dalam sejarah penyebaran Islam di Alam Melayu dan India ialah mereka yang pakar di bidang tasawuf atau dipanggil sebagai ahli sufi.

### **Peranan Ulama Sufi**

Ramai para pengkaji sejarah telahpun merumuskan tentang pentingnya peranan ahli sufi dalam sejarah penerapan Islam di Alam Melayu. Para ahli sufi yang mengembara dari satu tempat ke satu tempat dengan mudah dapat menjalankan kerja-kerja dakwah kerana mereka memiliki kualiti-kualiti kerohanian dan sifat-sifat keunggulan peribadi mereka yang istimewa. Ciri-ciri keperibadian ini memudahkan mereka untuk bergaul dan menyesuaikan diri dengan suasana tempatan. Mereka mudah juga diterima bahkan cepat dihormati dan disanjung oleh anggota masyarakat tempatan.<sup>2</sup>

Dalam sejarah penyebaran Islam di Alam Melayu, terutamanya dalam soal meriwayatkan saat bermulanya pengislaman sesebuah kesultanan, peranan ulama ini sering dikaitkan dengan raja. Dalam hikayat-hikayat Melayu lama dan riwayat-riwayat tempatan sering disebut tentang kedatangan ulama dari "atas angin" iaitu dari negara-negara Arab yang dipandang amat jauh pada masa itu untuk mengislamkan raja-raja tempatan. Dalam sejarah Kesultanan Pasai, ada diriwayatkan oleh Hikayat Raja-raja Pasai tentang bagaimana Merah Silu diislamkan oleh Syekh Ismail dan menukar namanya kepada al-Malik al-Salih.<sup>3</sup> Hikayat Merong Mahawangsa pula meriwayatkan tentang Syekh Abdullah Yamani dari Makkah telah mengislamkan Raja Kedah, Pra Ong Mahawangsa.<sup>4</sup> Buku Sejarah Melayu pula meriwayatkan kedatangan sebuah kapal dari Jeddah membawa Sayyid Abdul Aziz untuk mengislamkan Raja Tengah Melaka cyyang kemudian menggelarkan dirinya Sultan Muhammad.<sup>5</sup> Dalam sejarah Kesultanan Patani pula, Hikayat Patani ada menceritakan Syekh Said seorang ulama Pasai telah mengislamkan Raja Phaya Tu Nakpa selepas dapat menyembuhkannya daripada sejenis penyakit kulit. Raja ini telah menukar namanya kepada Sultan Ismail Syah selepas memeluk Islam.<sup>6</sup>

Dalam sejarah pengislaman di kepulauan-kepulauan Jawa, Sulu, dan Mindanao ada juga meriwayatkan kedatangan ulama-ulama dari "atas angin". Dalam sejarah penyebaran Islam di Kepulauan Jawa, ulama-ulama paling awal yang diketahui datang ialah Maulana Ibrahim yang meninggal dunia di Gerisik dalam tahun 1419. Beliau diikuti oleh Maulana Ishak dan Maulana Sayyid Hussain Jamadul Qubra. Maulana Ishak kemudiannya berkahwin dengan puteri Raja Balambangan.<sup>7</sup> Maulana Jamadul Qubra hanya berada di

Jawa selama empat tahun sahaja. Beliau kemudiannya telah mengembara menyebarkan ulawesi Selatan dan meninggal di sana dalam tahun 1453.<sup>8</sup>

Sejarah perkembangan Islam di Kepulauan Sulu dikaitkan dengan kedatangan beberapa ulama seperti Tuan Masyayikh, Tuan Syarif Awlia' dan Sayyid un-Nikab atau Aminullah. Tuan Syarif Awlia' dan Sayyid un-Nikab dikenali juga dengan panggilan Karim al-Makhdum iaitu satu panggilan penghormatan. Begitulah juga dengan perkataan Masyayikh yang juga merupakan panggilan penghormatan dan nama sebenarnya tidak diketahui. Di kalangan ulama yang paling terkenal pernah datang ke Sulu ialah Syarif Hasyim, pengasas Kesultanan Sulu. Mengikut salasilah Raja-raja Sulu, beliau dikenali juga dengan panggilan Maulana Abu Bakar.<sup>9</sup>

Sejarah kedatangan Islam di Kepulauan Mindanao juga dipenuhi dengan peranan ulama yang datang dari "atas angin" luar. Syarif Awlia' yang menyebarkan Islam di sulu itu didapati pernah juga datang ke Mindanao. Selepas beliau datang Syarif Maraja yang kemudian menjadi menantu Syarif Awlia'. Tetapi yang paling terkenal ialah Syarif Muhammad Kabungsuwan, pengasas Kesultanan Mindanao.<sup>10</sup> Dalam sejarah Islam di Kepulauan Maluku, peranan ulama asing sebagai pengembang Islam juga pernah disebut. Seorang ulama bernama Syekh Mansur diriwayatkan telah dapat mengislahkan Raja Tidore. Sementara Kesultanan Ternate diislamkan oleh seorang ulama bernama Jaafar Sadiq (juga disebut Jaafar Nuh).<sup>11</sup> Begitulah juga dalam sejarah Kesultanan Brunei apabila Syarif Ali berasal dari Hadramaut datang mengembangkan Islam dan kemudiannya kahwin dengan puteri Sultan Ahmad, Sultan Brunei yang kedua. Kesemua mereka amat dihormati dan disanjung oleh para penduduk Islam tempatan.

Begitulah gambaran mengikut maklumat yang dapat dikumpulkan tentang peranan ulama di peringkat awal kedatangan Islam di Alam Melayu di sekitar abad ke-13 hingga abad ke-15 Masihi. Keseluruhan ulama yang terlibat dipercayai ulama asing yang sering dipanggil ulama yang datang dari "atas angin". Kerana pada saat itu ulama-ulama tempatan belum ramai lagi dapat dilahirkan. Kebanyakan ulama dari "atas angin" ini didapati berasal dari Tanah Arab. Tidak berapa lama selepas kejatuhan kota Baghdad dalam tahun 1258, kedatangan ulama dari Tanah Arab bertambah mencurah-curah. Ini berkaitan dengan meluasnya semangat Perang Salib di antara orang Islam dengan orang Kristian di Sepanyol dan di Afrika Utara dan meningkatnya persaingan di antara orang Kristian Portugis dengan orang Islam dalam menguasai perdagangan di sekitar perairan Laut Merah dan Laut Hindi. Konfrantasi Islam-Kristian ini telah membangkitkan semangat persaingan di kalangan para ulama berasal dari Tanah Arab dan India dan ini mendorong mereka mengembara ke Asia termasuklah Alam Melayu.<sup>12</sup>

### **Peranan Ulama Asing**

Peranan besar ulama berasal dari Tanah Arab ini tidaklah dapat menafikan penglibatan peranan ulama-ulama dari kawasan-kawasan lain iaitu dari benua kecil India, Afghanistan, Turki, Parsi, Champa dan China. Kesemua kawasan ini kecuali Champa

dan China, telah menerima Islam lebih awal dari Alam Melayu. Adapun Champa dan China didapati menerima Islam dalam kadar masa yang lebih kurang sama dengan Alam Melayu. Ulama-ulama dari India dan Parsi pernah didapati datang pada zaman Kesultanan Pasai dan berkhidmat sebagai pembesar istana pada zaman al-Malik al-Zahir (1326-1348M). Mengenai peranan ulama berasal dari China sukar hendak dinafikan kerana terdapat bukti-bukti bahawa kerajaan Dinasti Ming (1368-1644M) ada menjalankan polisi yang cuba menggalakkan pertumbuhan Islam di China dan Asia Tenggara.

Pengasas-pengasas Dinasti Ming, Maharaja Ming Tai-Tsu (1368-1398M) adalah seorang penganut Islam yang telah bertindak secara senyap-senyap dan halus mengembangkan agama Islam di China dan Asia Tenggara. Polisi ini diteruskan oleh dua orang penggantinya, Ming Hui-Ti (1398-1403M) dan Ming Cheng-Tsu (1402-1424M). Lagipun di Kepulauan Jawa, Sumatera dan Borneo telahpun terdapat penempatan orang-orang Islam China. Mereka ini ialah zuriat keturunan tentera-tentera Islam China yang ikut serta dalam angkatan armada laut Mongol yang menyerang Asia Tenggara dalam abad ke-13. Mereka memilih untuk tinggal menetap di kawasan-kawasan ini, kerana lebih selesa hidup dengan penduduk Islam tempatan yang telahpun ada pada masa itu.<sup>13</sup> Penempatan orang-orang Islam China ini amat ketara di Jawa dalam abad ke-15 dan ke-16 Masihi. Mereka didapati juga mendiami kota Melaka. Di kalangan mereka ini dipercayai terdapat segelintir ulama yang dapat membantu dalam usaha penyebaran Islam di Alam Melayu.<sup>14</sup>

Penglibatan ulama bukan berasal dari Tanah Arab bertambah ketara pada abad-abad kemudian dalam sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu. Ini nyata sekali di sekitar abad ke-16 hingga ke-18. Ulama-ulama berasal dari India ditemui semakin aktif memainkan peranan dalam penyebaran Islam di Alam Melayu. Kedudukan Islam yang semakin kuat di India dengan kelahiran kerajaan Islam Moghul telah melahirkan ramai ulama India yang sedia datang mengembara dan berdakwah ke Alam Melayu.<sup>15</sup> Sehubungan dengan ini peranan ulama yang berada di bawah naungan Kerajaan Uthmaniah Turki pada masa itu dan mereka ini termasuklah mereka yang berketurunan Turki, tidak boleh dipandang kecil. Kesultanan-kesultanan Islam tempatan seperti Aceh, Bentan, Sulu dan Mindanao ada menjalin hubungan dengan Empayar Othmaniah Turki mengenai urusan diplomasi dan kerjasama pertahanan.

Namun demikian dalam keadaan ini dipercayai hubungan keagamaan juga telah dijalankan terutamanya yang bersangkutan dengan keperluan kepada tenaga-tenaga ulama untuk membantu usaha menyebarkan Islam di Alam Melayu.<sup>16</sup> Kedatangan ulama asing didapati bertambah banyak pada masa ini, kerana mereka mendapat undangan dari Kesultanan-kesultanan Islam tempatan yang memerlukan tenaga kepakaran agama. Ini bertambah-tambah lagi dengan meningkatnya kemudahan pengangkutan pelayaran dengan terciptanya kemudahan kuasa wap.<sup>17</sup>

Kekerapan hubungan Makkah dengan Alam Melayu berikutan dari bertambahnya bilangan orang-orang tempatan mengerjakan ilmu di kota suci ini serta terjalinnya hubungan di antara kerajaan Islam tempatan dengan pemerintah Makkah, telah mendedahkan lagi Alam Melayu kepada kedatangan ulama-ulama asing. Di kota Makkah

terkumpul ulama dari serata pembesar Islam dari kesultanan di Alam Melayu berkenalan dengan mereka dan mengajak mereka datang memusatkan lagi usaha menyebarkan ajaran Islam di rantau ini.

Peningkatan kedatangan ulama asing ini bertambah lagi dengan kemunculan ulama dari Hadramaut yang semakin aktif mengembara ke sini. Ulama Hadramaut ini telahpun terlibat sejak dari zaman awal penyebaran Islam di Alam Melayu lagi, tetapi ternyata peranan mereka semakin nyata di zaman-zaman terakhir hingga ke abad ke-19. Mereka ini menjadi berpengaruh kerana mereka datang secara berkumpulan mengikut keluarga masing-masing dan melakukan kerja-kerja dakwah secara tersusun dan diselaraskan di antara satu sama lain. Ada di antara mereka ini ialah dari keluarga yang bersambung zuriatnya kepada Rasulullah s. 'a.w. Kaitan mereka sebagai zuriat keturunan Baginda telah menjadi satu daya tarikan kepada penduduk tempatan.<sup>18</sup>

Kehadiran ulama asing di Alam Melayu ada yang berbentuk sekejap dan ada yang terus menetap. Mereka yang datang sekejap adalah lebih merupakan pendakwah perantau yang mengembara dari satu tempat dan akhirnya pulang ke tanah asal mereka. Sementara mereka yang datang menetap, kebanyakannya berkahwin dengan rakyat Islam tempatan ataupun puteri raja dan pembesar negeri. Mereka membuka penempatan dan meninggalkan zuriat keturunan. Ramai di antara mereka dilantik menjadi pembesar istana seperti penasihat raja ataupun mengurus pentadbiran agama iaitu menjadi mufti, kadi, khatib ataupun imam. Ada segelintir mereka lahir menjadi pengasas kesultanan sepertimana di Sulu, Mindanao, Pontianak dan Siak ataupun menjadi penyambung zuriat bagi sesebuah kesultanan sepertimana di Brunei dan Aceh.

### **Peranan Ulama Tempatan**

Sumbangan ulama asing yang tidak dapat dilupakan ialah peranan mereka dalam membentuk generasi ulama dari anak-anak tempatan. Para ulama asing sebaik sahaja tiba di Alam Melayu terutamanya mereka yang ingin menetap telah membangun rangkaian sistem pendidikan yang dikenali dengan nama pondok ataupun pesantren di Jawa dan dayah di Aceh. Pusat pengajian ini pada awalnya berfungsi memberikan kefahaman kepada para penganut Islam yang baru, kemudian beransur-ansur berubah untuk melatih anak tempatan menjadi pakar di bidang agama.<sup>19</sup>

Peranan pendidikan ini bermula dari dua pusat pengajian Islam terawal di Alam Melayu iaitu di Pasai dan Giri. Kemudian membiak subur di abad-abad kemudian dengan kelahiran pusat-pusat pengajian yang baru di Bentan, Kudus, Melaka, Aceh, Patani, Trengganu, Kelantan dan Riau. Dari pusat-pusat inilah, tradisi pengajian pondok telah berkembang ke seluruh pelosok Alam Melayu. Para pelajar lulusan dari pusat-pusat pengajian Islam ini menjadi agen utama dalam memusatkan perkembangan sistem pengajian pondok. Sesungguhnya mereka inilah menjadi penyambung tradisi keilmuan Islam yang benihnya ditanam oleh ulama-ulama pendatang di peringkat awal. Dengan usaha ulama-ulama tempatan, pondok telah dapat dijadikan salah satu benteng yang memelihara kesinambungan Islam di Alam Melayu. Dengan kelahiran peranan ulama tempatan ini tidaklah bererti bahawa peranan ulama pendatang telah terhapus sama

sekali. Bahkan yang jelas kedua-dua pihak telah sedia berganding bahu dalam kerja-kerja menegakkan keagungan Islam di zaman-zaman berikutnya.

Sumbangan ulama asing tidak dapat juga dipertikaikan dalam membina satu budaya ilmu dan warisan intelektual yang baru di Alam Melayu. Mereka ini sebenarnya bertanggungjawab menyuburkan peradaban Islam yang mengandungi unsur-unsur budaya ilmu dan intelektual berasaskan tawhid. Mereka telah dapat merombak segala warisan peradaban Hindu yang penuh dengan metos dan fantasi itu. Dalam menjalankan tugas ini mereka telah menunjukkan kemampuan mengharungi perdebatan akidah dan akhirnya dapat menumpaskan kepercayaan agama Hindu.

Dalam sejarah penyebaran Islam di Jawa telah dapat dilihat bagaimana kalangan ulama dari kumpulan Wali Songo yang terkenal itu telah menggunakan berbagai-bagai budi bicara untuk bertarung menyaingi dan mengatasi para pendeta Hindu-Budha dalam usaha mempengaruhi kepercayaan rakyat jelata. Ini jelas dapat dilihat dari kemampuan Sunan Bonang, seorang ulama dari kumpulan Wali Songo yang terkenal sebagai seorang ahli Sufi. Beliau telah dapat mempengaruhi seorang pendeta Hindu memeluk Islam.<sup>20</sup> Di istana-istana Kesultanan Pasai, Melaka dan Aceh pernah terdapat ramai ulama asing yang berperanan besar dalam menyuburkan budaya ilmu Islam sehingga akhirnya kesemua kesultanan ini menjadi terkenal sebagai pusat keilmuan dan peradaban Islam. Peranan mereka ini telah membantu usaha melahirkan ulama-ulama tempatan. Kemudiannya kedua-dua pihak telah bekerjasama dalam usaha memantapkan lagi pembinaan peradaban Islam.

Peranan ulama tempatan yang dihasilkan daripada proses pembelajaran di dalam negeri ataupun di kota suci Makkah amat besar sumbangannya. Mereka ini sebenarnya sebagai ulama generasi penerus yang bertanggungjawab menyambung tugas memelihara dan menegakkan kemurnian ajaran Islam selaras dengan sabda Rasulullah s. 'a.w. yang bermaksud "Para ulama ialah waris para nabi". Sebagai anak tempatan yang amat arif dengan suasana sekitar, mereka ini dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan dibandingkan dengan ulama pendatang. Oleh itu mereka menanggung tugas yang lebih berat. Sumbangan mereka ini tidak kurang pentingnya dari ulama generasi pertama yang terdiri daripada ulama-ulama pendatang. Sebagai ulama generasi penerus, skop peranan mereka tiada banyak perbezaannya, tetapi cabaran yang dihadapi mereka agak lebih berat dengan munculnya berbagai-bagai rupa aliran yang bertentangan dalam bentuk akidah, pemikiran, kebudayaan dan peradaban yang datang seiring dengan kemasukan penjajah Kristian. Sebagai generasi penerus mereka bukan sekadar menyambung dan memperkukuhkan apa yang ada, bahkan memelihara dan mempertahankannya dengan apa jua cara. Kehadiran peranan ulama tempatan sangat besar sumbangannya kerana mereka merupakan satu sumber kekuatan yang memelihara kesinambungan dan kemurnian ajaran Islam, kerana merekalah yang dapat menghurai, mentafsir, menganalisa dan memperjelas persoalan-persoalan agama. Merekalah yang menjadi jambatan penyambung di antara umat Islam tempatan dengan ulama-ulama dari seluruh dunia Islam. Merekalah selama ini menjadi benteng kebal dalam menolak segala gugatan yang cuba melunturkan kesucian ajaran Islam. Sistem pengajian pondok menjadi kubu utama mereka semasa menyahut sebarang cabaran yang cuba melemahkan

ajaran Islam. Institusi pondok inilah yang menjadi pemelihara tradisi kepemimpinan agama dalam masyarakat Islam tempatan. Bahkan institusi ini jugalah yang menjadi penyambung lidah masyarakat Islam dalam soal mempertahankan nilai-nilai kehidupan beragama mereka.

Sumbangan ulama tempatan yang paling ketara dalam usaha memupuk pembinaan tamadun Islam di Alam Melayu ialah peranan mereka dalam pertumbuhan hasil penulisan kitab-kitab Jawi yang sering dipanggil kitab kuning dengan menggunakan perantaraan bahasa Melayu. Peranan mereka ini amat besar maknanya dalam memantapkan pemahaman masyarakat Islam mengenai berbagai-bagai aspek ajaran Islam dan dalam memupuk budaya ilmu dan pemikiran Islam. Di saat awal kedatangan Islam, keseluruhan kitab yang digunakan sebagai sumber ilmu dan pengajian adalah dalam bahasa Arab.<sup>21</sup> Di zaman Kesultanan Melaka pernah terjadi peristiwa pengiriman sebuah kitab agama *al-Dur al-Manzum* ke Pasai untuk diterjemahkan. Daripada kegiatan seumpama inilah bermulanya kelahiran kitab Jawi. Di peringkat permulaan ianya dalam bentuk terjemahan sahaja. Kemudian lahirlah pula dengan banyaknya hasil penulisan asli dalam bahasa Melayu oleh ulama tempatan. Kemuncak kegiatan penulisan asli kitab Jawi ini ialah di zaman Kesultanan Aceh yang diikuti oleh Kesultanan Patani. Bermula dari usaha penterjemahan dan kemudiannya meningkat kepada hasil penulisan asli, bahasa Melayu telah menempuhi proses pembudayaan. Dengan usaha ulama ini bahasa Melayu telah berupaya menjadi bahasa ilmu yang mampu mengupas berbagai-bagai bidang pengajian Islam, lebih-lebih lagi dalam bidang falsafah, usuluddin dan tasawuf yang serba rumit itu.

Dengan kegiatan ulama menghasilkan kitab Jawi ini, maka bahasa Melayu telah berkembang menjadi satu bahasa pengantar pengajian Islam di Alam Melayu di samping bahasa Arab. Di sinilah terletaknya keunggulan jasa-jasa ulama tempatan yang produktif dalam kegiatan penulisan kitab Jawi. Seperti Hamzah Fansuri, Abdul-Rauf al-Sinkili, Abdul Samad al-Palembani, Muhammad Arsyad al-Banjari, Nawawi al-Bantani, Daud al-Fatani dan lain-lain tokoh lagi. Kitab-kitab Jawi karya mereka telah disebarakan dengan meluas di seluruh ceruk rantau ini. Sesungguhnya para ulama tersebut telah memahkotakan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa Islam yang mampu menghuraikan masalah-masalah ilmiah dan metafizika. Dari sudut kepentingan serantau pula, bahasa Melayu telah dapat disinggahsanakan sebagai bahasa peranan utama, bahkan juga bahasa perpaduan di alam Melayu.<sup>22</sup>

### Kesimpulan

Sesungguhnya daripada segi sejarah peranan ulama tidak ternilai harganya di dalam sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu. Para ulama telahpun diakui peranan mereka sebagai satu agen penerapan Islam yang utama oleh para sejarawan ketika mengçchuraikan secara terperinci tentang teori-teori dan faktor-faktor di sebalik sejarah perkembangan Islam di Alam Melayu. Golongan ulamalah yang bertanggungjawab menanam benih keislaman, kemudian menyuburkan dan memeliharanya daripada sebarang ancaman berbentuk ideologi ataupun fizikal yang cuba melunturkan kemurnian

ajaran Islam. Sebenarnya daripada segi institusi, peranan ulama adalah tidak kurang pentingnyadari peranan istana dalam sejarah pemerintahan Islam di Alam Melayu. Kedua-dua pihak saling melengkapkan di antara satu sama lain dari segi tanggungjawab menjamin kesinambungan dan mempertahankan amalan pemerintahan Islam. Menerusi bidang kuasa dan kemampuan masing-masing, kedua-dua pihak terbukti telah memenuhi tugas agama dalam melaksanakan tanggungjawab itu. Istana diperkukuhkan dengan dokongan dari kewibawaan ulama untuk menegakkan keagungan kuasa politik Islam.

Sementara ulama pula menggunakan kepakaran agama mereka untuk memupuk keimanan kepada semua lapisan rakyat dan ini dapat menerapkan satu sumber kekuatan dalaman ke dalam diri setiap individu supaya semua dapat berganding bahu memelihara keagungan dan kesinambungan kuasa politik Islam. Sesungguhnya ulama telah mendirikan satu benteng kerohanian yang tidak ternilai sumbangannya demi kelangsungan kuasa politik Islam.

#### NOTA HUJUNG

1. Majul, C.A.: *Muslims in the Philippines*, University of Philippines Press, Manila, 1973, h. 50.
2. Lettzion, N: "Towards A Comparative Study of Islamization", dalam Lettzion, N (ed): *Conversion to Islam*, Holmes and Meier, London, 1979, hh. 16-18. Lihat juga Johns, A.H: *Sufism as A Category in Indonesian Literature and History*, Journal of Southeast Asian History, J. 2, 1961, hh. 10-23.
3. Jones, R (ed): *Hikayat Raja Pasai*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1987, hh. 131-137.
4. Jones, R: "Ten Conversion Myths from Indonesia", dalam Lettzion, N (ed): *Conversion to Islam*, Holmes and Meier, London, 1979, hh. 138-139.
5. Brown, C.C (ed): *Sejarah Melayu*, Oxford University Press 1970, h. 52.
6. Solichin Salam, *Sekitar Wali Songo*, Penerbit Minara Kudus, 1974, hh. 24-26. Lihat juga H Aboebakar; Sedjarah K.H.A, Wahid Hasjim, Jakarta, 1957, hh. 13-16.
7. Teeuw, A and Wyatt, D.K (ed): *Hikayat Patani*, The Hague, 1970, hh. 148-152.
8. Pelras, C: *Religion, Tradition and the Dynamics of Islamisation in South Sulawesi*, Archipel 29, 1985, h. 110.
9. Majul, C.A.: "The Coming of Islam", dalam Rocec, A. R (ed): *Filipino Heritage*, Lahing Filipino Publishing, Manila, 1977, hh. 673-675, dan Majul C.A: *Muslims in the Philippines*, University of Philippines Press, Manila, 1973, hh. 51-58.
10. *Ibid.*, hh. 64-67.
11. M. Shaleh A. Putuhena: *Sejarah Agama Islam di Ternate*, Majalah Ilmu-ilmu Sastera Indonesia, J. 8, No. 3, 1980, h. 264.
12. Lettzion, N: *Towards A Comparative Study of Islamisation*, Holmes and Meier, London, 1979, hh. 11-13.
13. Haji Yusuf Chang: *The Ming Empire, Patron of Islam in China and Southeast Asia*, JMBRAS, J. 61, No. 2, 1988, hh. 1-44.
14. De Great, H.J and Pigeaud, G. Th: *Chinese Muslims in Java in the 15th. and 16th. Centuries*, Monash Papers on Southeast Asia, No. 12, 1984.



15. Schrieke, B.J.O: *Indonesian Sociological Studies*, Part 2, Van Hoeve, The Hague, 1957, h. 261.
16. *Ibid.*
17. Fatimi, S.Q: *Peace, Unity and Universality*, Intisari, J. 1, No. 1, 1962, h. 32.
18. Hamid al-Qadri, C, *Snouk Hurgronje*, Politik Belanda terhadap Islam dan Arab, Sinar Harapan Jakarta, 1984. Lihat juga Van Der kroef, J.M: *The Arabs in Indonesian*, Middle East Journal, J. 7, 1953, hh. 300-323.
19. Gordan, S: *Pondok and Peasantry*, Intisari, J. 2, No. 1, 1963.
20. *Ibid.*
21. Mohd Nur Ngah: *World Views of Kitab Literature*, Seminar Antarabangsa Tamadun Islam di Alam Melayu, Brunei, Jun, 1989, hh. 1-19.
22. Ismail Hamid: *Sumbangan Islam Terhadap Pembinaan dan Pengembangan Bahasa dan Persuratan Melayu*, Dewan Bahasa, Julai 1984, hh. 1-19.